

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Thursday, January 16, 2020 9:02 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Kongsi Perancangan, Teruskan Agenda



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

16 JANUARI 2020 / 20 JAMADILAWAL 1441H

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Siti Fatimah Abdullah
Gambar oleh: CIAC

KONGSI PERANCANGAN, TERUSKAN AGENDA



UUM ONLINE: Walaupun tidak lagi menerajui Pusat Hal Ehwal dan Kerjasama Antarabangsa (CIAC) lagi, mantan Pengarah diharap akan dapat terus berkongsi perancangan dan membantu dalam melaksanakan visi dan misi pusat tersebut.

Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), Prof. Dr. Yusnidah Ibrahim berkata, Prof. Madya Dr. Mohamad Farizal Rajemi telah banyak membantu pusat pengajian dari aspek promosi, memorandum, ERASMUS dan sebagai perantara antara UUM dengan badan antarabangsa luar.

Menurutnya, beliau merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Dr. Farizal yang menerajui CIAC lebih 4 tahun dan telah banyak membantu dalam urusan pengantarabangsaan.

Beliau berkata demikian selepas menyaksikan serahan tugas antara mantan Pengarah CIAC kepada Pengarah CIAC baharu, Prof. Madya Dr. Badariah Din di Bilik Mesyuarat Hal Ehwal Akademik, kelmarin.

Pada majlis itu, masing-masing menandatangani surat akuan terima nota serah tugas.

Sementara itu, Dr. Mohamad Farizal merakamkan jutaan terima kasih kepada Prof. Dr. Yusnidah atas tunjuk ajar dan staf CIAC yang telah memberi kerjasama padu selama ini.



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.